

MAS: Tindakan diambil jika ada 'jenayah'

BH 25 JUL 2001

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan, sebagai pemilik Penerbangan Malaysia (MAS), akan mengambil tindakan jika berlaku sebarang perbuatan jenayah dalam pengurusan lama syarikat itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, proses pengauditan kontrak dan kajian semula keputusan pengurusan lama MAS akan menentukan apa sebenarnya berlaku sehingga prestasinya agak tenat.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga terpaksa membeli MAS dengan cepat kerana bimbang syarikat itu tidak dapat dipulihkan langsung berikutan kerugian mendadakannya sehingga mencecah RM1.3 bilion menjelang tahun lalu.

"Jika ada jenayah, kita kena ambil tindakan juga. Tetapi kalau tidak ada jenayah, cuma tidak berhemat, tidak cekap... itu lainlah," katanya.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita selepas majlis penyerahan kad pintar Proton World International kepada Iris Technology Malaysia (Iris) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di Taman Teknologi, Malaysia, Bukit Jalil, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pengerusi MAS, Tan Sri Azizan Zainul Abidin semalam bahawa syarikat itu masih dalam proses pengauditan kontrak ketika pengurusan lama sama ada terdapat sebarang kepincangan.

Disember lalu, kerajaan menerusi Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) membeli balik saham bekas Pengerusi Eksekutif, Tan Sri Tajudin Ramli sebanyak 29.09 peratus pada pertimbangan RM1.792 bilion, yang dijual pada 1994.

Pada 14 Februari lalu, kerajaan

Audit akaun MAS bukan langkah luar biasa

DARI MUKA 1

mengumumkan pengurusan baru diketuai Azizan selaku pengerusi, manakala penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Md Nor Md Yusuf bagi jawatan Pengarah Urusan.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, tindakan mengaudit akaun MAS itu bukanlah suatu perkara luar biasa kerana kerajaan perlu tahu kedudukan sebenar selepas mengambil alihnya.

"Biasanya, sesiapa saja yang mengambil alih syarikat, mesti buat kajian mengenai kedudukan sebenar. Kita terpaksa ambil MAS secara tergesa-gesa kerana kita nampak MAS semakin rosak.

"Kalau kita tidak beli dengan cepat, kerosakan itu mungkin tidak dapat dipulihkan sama sekali. MAS mengalami kerugian mendadak. Misalnya pada 1999, ia rugi antara RM700 dan RM800 juta. Menjelang 2000, (kerugian) sudah naik kepada RM1,300 juta.

"Kalau kita tak ambil dengan cepat, kalau kita dok kira berapa nak bayar, kerosakan MAS akan lebih teruk sehingga ia tak boleh dipulihkan sepenuhnya. Sebab itu, kita tergesa-gesa terpaksa ambil alih, bukan kita suka nak bayar duit banyak-banyak kepada orang," katanya.

Ketika ditanya sama ada pengauditan kontrak lama dan kajian semula terhadap MAS bermakna Tajuddin turut disiasat, Dr Mahathir bagaimanapun berkata:

"Tidak, tidak, mereka bukan dalam siasatan... mereka mungkin telah membuat keputusan yang tidak baik. Itu saja. Oleh itu, kita terpaksa melihat kepada keputusan yang dibuat sebelum ini sama ada mereka berhemat atau tidak. Kita perlu membuat keputusan untuk memperbaiki keadaan," katanya.

Ditanya sama ada apa yang berlaku terhadap MAS serta konglomerat Kumpulan Renong dan United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) memberi tamaran kepada program penswastaaan kerajaan, Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa bertindak.

"Kita masuk campur kerana kita dapati hanya dengan cara itu, kita dapat pulih balik, bukan saja UEM dan Renong, tetapi beberapa syarikat lain dalam kumpulan EUM dan Renong.

"Saya tak ingat (nama) semua syarikat tetapi anda tahu Renong mempunyai beberapa syarikat. Saya rasa tindakan sedang diambil," katanya.

Mengenai kemungkinan Malaysian Resources Corporaton Bhd (MRCB) juga termasuk dalam senarai untuk dirombak, beliau berkata, buat masa ini konglomerat itu tidak berada dalam bahaya.